

Media: Berita Harian  
Date: 27 May 2019



DI DALAM :  
TEMPAHAN  
DAN  
CARIAN

**DAPATKAN  
DI SINI!**

**AUTO**

Kereta  
Trak  
Bas

**NOTIS**

Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Am

**KLASIFIKASI AM**

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
parabot

**HARTANAH**

Rumah  
Kedai

**KERJAYA**

Sepenuh masa  
Separuh masa  
Lalihan  
Skim Graduan

**KERAJAN**

Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Umum

**LELONGAN/  
GUAMAN**

Hartanah  
Lelongan

## KAEDAH MEMASAK "CAMPUR, CAMPUR, SIAP!" MENGALAKKAN PENGAMBILAN SAYUR-SAYURAN MELALUI BULAN PEMAKANAN MALAYSIA 2019

**Bersempena Bulan Pemakanan Malaysia 2019 (NMM), Ajinomoto (Malaysia) Berhad meneruskan inisiatif dalam memperluas kaedah memasak "Campur, Campur, Siap!" bagi menggalakkan pengambilan sayur-sayuran yang lebih banyak dalam kalangan rakyat Malaysia.**

"Campur, Campur, Siap!" menekankan masakan yang ringkas, cepat, lazat dan berkhasiat serta menggalakkan orang ramai memenuhi keperluan pengambilan diet seimbang yang sihat secara konsisten. Konsep "Campur, Campur, Siap!" menggalakkan pengambilan sayur-sayuran yang mencukupi ini teretus daripada kempen Pnggan Sihat Malaysia #SukuSukuSeparuh yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak Disember 2016.

Sebagai salah satu penaja utama NMM, syarikat Ajinomoto

menawarkan pelbagai aktiviti menarik di Food Fit Fun Fair termasuk aktiviti "Campur, Campur, Siap!" Fun Cooking antara ibu bapa dan anak, perkongsian maklumat Umami, demonstrasi memasak Sayur Labu Campur, persampelan basah serta Kuiz Tonton dan Meneng. Aktiviti-aktiviti ini berjaya meningkatkan kesedaran tentang pemakanan sihat dalam kalangan ahli keluarga di samping mengukuhkan ikatan kekeluargaan antara mereka.

Selain itu, usaha sama antara Jawatankuasa NMM dan Syarikat Ajinomoto telah menerbitkan buku kanak-kanak yang penuh

informasi dan berwarna-warni berjudul "Saya Suka Sayur-Sayuran", lanya berguna untuk mendidik kanak-kanak supaya menghargai sayur-sayuran melalui penceritaan yang menarik tentang kaedah pemrosesan sayur-sayuran bermula dari ladang sehingga ke meja makan. Cerita yang berinspirasi dapat menggalakkan kanak-kanak untuk memakan sayur-sayuran yang mencukupi pada setiap hari.

Mengikuti "Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) ke arah menangani keperluan sosial,

kaedah memasak "Campur, Campur, Siap!" bertujuan untuk menyemai kebiasaan pengambilan lebih banyak sayur-sayuran melalui diet seimbang dalam kalangan rakyat Malaysia demi kesihatan yang lebih baik.

*"Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV); Usaha-usaha yang dikaitkan dengan nilai dan pertumbuhan ekonomi dengan menyumbang kepada penyelesaian masalah sosial seperti kelestarian global, sumber makanan dan kehidupan yang sihat melalui perniagaan Kumpulan Ajinomoto sejak penubuhannya*